

**TINDAKAN SUSULAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) MS ISO 14001:2004 KALI PERTAMA**

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	1.1.1	<p>Penemuan Audit</p> <p>(e) mengambil makluman dan perhatian terhadap lima (5) kekuatan, lima (5) kelemahan/cadangan hasil daripada penemuan audit yang dilapor oleh Ketua Juruaudit Dalam UPM.</p> <p>Lima (5) kelemahan/cadangan yang perlu diambil tindakan adalah:</p> <p>(a) Dokumen pengurusan alam sekitar ISO 14001:2004 perlu diasingkan dengan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi mengelakkan kekeliruan. Kesedaran daripada warga Universiti Putra Malaysia mengenai sistem pengurusan alam sekitar hendaklah dipertingkatkan lagi</p>	<p>Maklum balas BPO:</p> <p>(a) Dokumen tidak perlu diasingkan kerana UPM ke arah integrasi semua dokumen ISO. Tindakan yang dibuat adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. memperincikan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti dengan memasukkan elemen Sistem Pengurusan Alam Sekitar; ii. menambahbaik dokumen Sistem Pengurusan Alam Sekitar yang merujuk kepada dokumen Sistem Pengurusan Kualiti dengan memfokuskan proses perincian tertentu yang berkaitan dengan proses alam sekitar. <p>(b) Dokumen skop Pengurusan telah diintegrasikan untuk dipaparkan</p>	Makluman

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
			<p>semua ISO (QMS, EMS, dan ISMS) berkuatkuasa 12/2/2015.</p> <p>(c) Tindakan untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai sistem pengurusan alam sekitar telah dilaksanakan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Paparan/hebahan melalui poster, bunting di pintu utama Universiti dan sekitar kampus UPM; ii. Paparan maklumat pada laman sesawang UPM dan portal e-ISO; iii. Taklimat pelaksanaan EMS oleh Peneraju Proses iaitu pada 18/10/2013 dan 12/11/2013; iv. Taklimat Kesedaran EMS kepada JPU, Pegawai kanan, TWP dan wakil PTJ, wakil persatuan/kesatuan, wakil NGO, wakil UPM Holding, wakil pelajar pada 23/1/2014; v. Taklimat kesedaran EMS kepada semua Peneraju Proses dan TWP pada 29/4/2014. 	

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		(b) Peneraju proses perlu memastikan penyelarasan di peringkat pegawai utiliti, pemantauan oleh Jawatankuasa ISO yang dipengerusikan Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan berkesan	Maklum balas PPPA: Pihak PPPA telah menghantar surat, mengadakan perjumpaan pada 21 Oktober 2013, dan juga mesyuarat dengan pegawai utiliti di PTJ pada 19 Disember 2013. PPPA juga telah meminda kaedah pemantauan dan pelaporan serta mewujudkan Daftar Format Laporan dan Analisa Keberkesanan Aktiviti Penjimatan Elektrik di Peringkat PTJ bagi memudahkan pegawai utiliti di PTJ menyediakan laporan penjimatan elektrik.	Makluman
		(c) Tindakan Pembetulan dan Pencegahan perlu dilaksanakan dengan segera dan berkesan. Jika staf gagal mematuhiinya, tindakan amaran, tatatertib dan surcaj hendaklah dilaksanakan. Tindakan tegas ini perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab munasabah sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran.	Maklum balas Ketua PTJ/Peneraju: Tindakan Pembetulan dan Pencegahan dibincangkan, dan dipantau dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti bagi memastikan tindakan pelaksanaan dibuat dengan segera dan berkesan.	Makluman
		(d) Universiti Putra Malaysia perlu menambah peruntukan kewangan bagi menyelenggara infrastruktur terutama yang melibatkan makmal dan pembuangan sisa kimia dan racun dalam sinki dan seterusnya dialirkan keluar ke sistem perparitan dalam kampus. Satu loji rawatan air kumbahan yang moden diperlukan untuk merawat sisa air kumbahan setempat bagi penyingkiran logam	Maklum balas PPPA: PPPA telah berusaha dan berjaya mendapatkan peruntukan dalam <i>Rolling Plan</i> ke 4 Rancangan Malaysia ke 10 untuk menaiktaraf loji rawatan kumbahan bagi fakulti-fakulti/bangunan-bangunan lama dan dibuat secara berpusat. PTJ yang terlibat adalah: i. Fakulti Sains ii. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Makluman

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		berat dalam tasik di sekitar kampus.	iii. Fakulti Perhutanan iv. Fakulti Ekologi v. ITMA lama (INTROP) vi. Pusat Asasi Sains Pertanian Perpustakaan Sultan Abdul Samad vii. Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	
			<p>Maklum balas Pejabat Bursar:</p> Universiti akan melihat keperluan penyelenggaraan secara terperinci mengikut PTJ. <ol style="list-style-type: none"> 1) PPPA diminta mengemukakan data dan membuat laporan keperluan penyelenggaraan secara menyeluruh untuk Universiti. 2) PPPA perlu membuat penilaian dan menyenaraikan mengikut keutamaan dan membuat pelan pelaksanaan serta anggaran kos penyelenggaraan yang diperlukan dan dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa Universiti. 3) Universiti menyediakan peruntukan tahunan berpusat di bawah kawalan PPPA dengan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun tertakluk kepada peruntukan kewangan dari agensi pusat selain daripada peruntukan untuk Rancangan Malaysia. 	Makluman

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		(e) Universiti Putra Malaysia juga perlu memastikan satu aplikasi sistem inventori kimia dan racun dapat dibangunkan supaya pengurusan stor dan pengurusan sisa kimia dan racun dapat dilaksanakan dengan lebih baik.	Maklum balas Fakulti Kejuruteraan: Makluman penemuan audit telah dibawa dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti.	Tindakan: Pejabat Pengurusan dan Keselamatan Pekerjaan dan Fakulti Kejuruteraan
		(i) mengambil perhatian isu ketiadaan ruang simpanan sisa bahan kimia di Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Pertanian walaupun bangunan dua (2) Fakulti tersebut adalah bangunan baharu. Ini kerana ruang simpanan ini sepatutnya diambilkira semasa cadangan pembinaan bangunan. Mesyuarat dimaklumkan bahawa isu ini menyumbang peningkatan bilangan ketakakuran pada klausa Kawalan Operasi.	Maklum balas PPPA: Data makmal dan pengurusan bahan kimia adalah di bawah kawalah pihak OSH. Oleh yang demikian, PPPA telah merujuk dengan menulis surat kepada OSH tentang keperluan stor berpusat sisa bahan kimia bertarikh 9 Disember 2013 (UPM/PPPA/100-4/11/EMS). PPPA telah menaiktaraf stor simpanan bahan kimia bersebelahan pejabat OSH yang baharu untuk dijadikan stor pusat sisa bahan kimia.	Makluman

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		(l) meminta Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) menyediakan kertas kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) mengenai penyediaan ruang simpanan sisa bahan kimia di UPM secara berpusat.	<p><u>Maklum balas PPPA:</u> Data makmal dan pengurusan bahan kimia adalah di bawah kawalah pihak OSH. Oleh yang demikian, PPPA telah merujuk dengan menulis surat kepada OSH tentang keperluan stor berpusat sisa bahan kimia bertarikh 9 Disember 2013 (UPM/PPPA/100-4/11/EMS). PPPA telah menaiktaraf stor simpanan bahan kimia bersebelahan pejabat OSH yang baharu untuk dijadikan stor pusat sisa bahan kimia.</p>	Makluman
		(m) dimaklumkan bahawa prosedur penyimpanan sisa kimia telah didokumenkan kecuali tatacara pembersihan radas bahan kimia. Mesyuarat meminta perhatian semua Dekan untuk menghebahkan kepada staf di PTJ terutamanya di makmal supaya tidak mencuci radas bahan kimia dalam sinki yang akan memberi impak kepada alam sekitar.	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah sedia ada dinyatakan dalam Garis Panduan Pengurusan dan Keselamatan Makmal/Bengkel di para 5.2 Penyimpanan dan Penggunaan Bahan/Radas Makmal – Panduan Keselamatan Penggunaan Radas Kaca.</p> <p><u>Maklum balas Dekan Fakulti:</u></p> <p><u>Fakulti Ekonomi Pengurusan:</u> Tidak berkaitan kerana tiada radas bahan kimia di FEP.</p> <p><u>Fakulti Pertanian:</u> Rujukan UPM/FP/PD/PEMB/JKKP bertarikh 4 Februari 2014 berkenaan makluman kepada semua staf makmal agar mematuhi peraturan seperti mana dalam petikan (EMS) MS ISO 14001:2004 UPM Kali Pertama (Minit-1.1.1 (m)).</p>	Makluman

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
			<p><u>Fakulti Perhutanan:</u> Pegawai Sains fakulti telah diminta untuk maklumkan arahan ini kepada kepada semua staf makmal dan pelajar. Walau bagaimanapun arahan ini tidak dapat dikuatkuasakan lagi kerana tiada saluran khas untuk mencuci radas bahan kimia, dan tatacara berkenaan juga belum dibangunkan oleh Peneraju Proses.</p> <p><u>Fakulti Kejuruteraan</u> Makluman dibuat dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti kepada semua Ketua Jabatan untuk dipanjangkan kepada semua staf makmal.</p>	
2.	1.3	<p>Prestasi Pencapaian Alam Sekitar UPM</p> <p>(b) meneliti isu pelaksanaan, cadangan tindakan pelaksanaan, dan keperluan sumber yang dibentangkan. Mesyuarat bersetuju supaya permohonan yang melibatkan keperluan sumber perlu dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan.</p>	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat JPU pada 29 Mei 2014 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p> <p>Masih menunggu Dokumen PROFORMA kewangan untuk melaksanakan program pemantauan alam sekitar. Seorang staf (Penolong Jurutera) telah ditempatkan di Seksyen Operasi dan Perkhidmatan – Unit Persekitaran.</p>	<p>Tindakan: Pengaruh PPKKP</p>

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		(c) mengambil makluman cadangan Pengerusi supaya menggunakan khidmat pelajar yang bertugas separuh masa di Pejabat PPKKP untuk membantu UPM dalam melaksanakan keperluan di bawah kehendak EMS.	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah memulakan Program Volunteer OSH yang mana pendaftaran telah dibuka kepada pelajar yang berminat.</p> <p>Menggunakan 2 orang Khidmat Pelajar Praktikal walau bagaimanapun data cerobong/serombong tidak dapat diverifikasi bagi Program Kelulusan Bertulis.</p>	Makluman
		(d) meneliti isu pelaksanaan untuk memantapkan pengurusan bahan berbahaya (bahan kimia, bahan beracun/ <i>pestisides</i> / bahan radioaktif) di UPM. Mesyuarat bersetuju mengguna pakai dan menambah baik sistem atas talian yang telah dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan UPM. Mesyuarat meminta Pejabat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan Fakulti Kejuruteraan bersama meneliti keperluan bagi memantapkan pelaksanaan EMS di UPM dengan menggunakan kepakaran dalaman.	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Perbincangan Bersama iDEC telah diadakan pada 25 April 2014.</p> <p>Pada 12 Mac 2015 Fakulti Kejuruteraan telah berbincang dengan PPKKP untuk menambahbaik sistem sedia ada. Walaubagaimana pun kos sebenar belum diputuskan kerana masih menunggu maklumbalas pihak ketiga. Belum mendapatkan persetujuan bersama antara pihak iDEC & Fakulti Kejuruteraan.</p> <p><u>Maklum balas Fakulti Kejuruteraan</u> Dalam proses tindakan susulan.</p>	Tindakan: Pengarah iDEC/TWP iDEC, Dekan Fakulti Kejuruteraan/TWP Fakulti Kejuruteraan, dan Pengarah PPKKP

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
		(e) meminta supaya sekiranya cadangan pertukaran nama Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP/OSH) kepada Pejabat Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (PPKKP/HSE) dipersetujui, maka Pejabat ini akan menjadi sekretariat pelaksanaan latihan yang berkaitan alam sekitar.	<p>Maklum balas PPKKP: Telah mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat JPU pada 29 Mei 2014 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti. Berdasarkan Minit JKKP-UPM kali ke 32 bertarikh 2 Disember 2014 : Mesyuarat bersetuju nama dan fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPM ditukar kepada Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran (JKKPP-UPM) atau Occupational Safety, Health & Environment Committee (OSHE Committee) berkuatkuasa 1 Januari 2015.</p> <p>Oleh itu, secara langsung PPKKP bertambah skop tanggungjawab iaitu menjadi sekretariat utama dalam program OSH dan alam sekitar di UPM.</p>	Makluman
3.	1.5.1	Tindakan Pencegahan (b) dimaklumkan bahawa keberkesanan tindakan pencegahan yang diambil akan dilihat dan dipantau pada mesyuarat Jawatankuasa ISO atau mana-mana mesyuarat di peringkat Peneraju Proses.	<p>Maklum balas BPQ: Pemantauan status tindakan Pencegahan telah dijadikan agenda dalam JKISO dan dibincangkan pada Mesyuarat JK ISO yang ddiadakan pada 17/7/2014.</p>	Makluman

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
4.	1.5.2	<p>Tindakan Pembetulan</p> <p>(b) meminta supaya sebarang keperluan sumber yang dimohon perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p>	<p>Maklum balas PPKKP: Telah mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat JPU pada 29 Mei 2014 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p> <p>Masih menunggu Dokumen PROFORMA kewangan untuk melaksanakan program pemantauan alam sekitar.</p> <p>Seorang staf (Penolong Jurutera) telah ditempatkan di Seksyen Operasi & Perkhidmatan – Unit Persekitaran.</p> <p>Seorang Pegawai Sains(PPKKP) telah menghadiri kursus kompetensi – Pengurusan Sisa Terjadual pada 19 hingga 13 Februari 2015. Keputusan ujian kompetensi akan dikeluarkan selepas 3 bulan.</p>	<p>Tindakan: Pengarah PPKKP</p>
		<p>(c) dimaklumkan bahawa keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil akan dilihat dan dipantau pada mesyuarat Jawatankuasa ISO atau mana-mana mesyuarat di peringkat Peneraju Proses.</p>	<p>Maklum balas BPQ: Pemantauan status tindakan pembetulan telah dijadikan agenda dalam JKISO dan dibincangkan pada Mesyuarat JK ISO yang ddiadakan pada 17/7/2014.</p>	<p>Makluman</p>

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
5.	1.8 1.8.1	<p>Hal-Hal Lain</p> <p>Pemakluman Berkaitan Keperluan Memperoleh Peralatan dalam Membantu Penjimatan Elektrik</p> <p>(b) bersetuju meminta PPPA mengemukakan kertas pemakluman ini ke mesyuarat JPU untuk kelulusan.</p>	<p><u>Maklum balas PPPA</u></p> <p>PPPA telah berbincang dengan Pejabat Bursar dan pembelian alatan tersebut akan dibuat secara berperingkat. Walaubagaimanapun pembelian tersebut ditangguhkan sementara kerana PPPA akan melaksanakan inisiatif penjimatan tenaga melalui konsep <i>Energy Performance Contracting</i> (EPC) Di Sektor Kerajaan Oleh <i>Energy Service Company</i> (ESCO) Yang Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga. Inisiatif ini akan melibatkan beberapa PTJ yang mana penggunaan elektrik adalah tinggi. Dalam ESCO, alat yang digunakan untuk tujuan penjimatan tersebut adalah sama dengan alat yang ingin dibeli.</p>	<p>Makluman</p>